

22 JUL 1998

MENTERI LUAR AUSTRALIA MULAKAN LAWATAN TIGA HARI (begambar)

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Menteri Luar Australia Alexander Downer tiba hari ini untuk lawatan rasmi tiga hari.

Lawatan itu, hasil jemputan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, merupakan yang keempat baginya sejak dilantik ke jawatan itu pada 1996.

Downer, yang juga Menteri Perdagangan, dijangka membincangkan dengan Abdullah bidang-bidang baru bagi kerjasama selain bertukar-tukar pendapat mengenai isu serantau dan antarabangsa.

Esok, beliau dijadual menemui Menteri Tugas-tugas Khas Tun Daim Zainuddin.

Pada petangnya beliau akan mengunjungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum berbincang dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Downer akan ke Manila pada Jumaat untuk menghadiri mesyuarat bersama-sama dengan menteri-menteri Asean.

-- BERNAMA